

**TALKING POINTS**  
**YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH**  
**ABDULLAH**  
**PRESIDEN ANGKASA**  
**MERANGKAP PRESIDEN ASEAN CO-**  
**OPERATIVE ORGANIZATION (ACO)**

**PERASMIAN AR RAHNU KOBANAS**  
**CAWANGAN KUALA LUMPUR**

**3 SEPTEMBER 2022 (SABTU)**  
**10.00 PAGI**  
**WISMA KOBANAS, KUALA LUMPUR**

---

Assalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh dan Salam Keluarga  
ANGKASA

# **[SALUTASI DISEDIAKAN URUSETIA PROGRAM]**

---

1. Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah SWT dalam kesempatan yang sangat berharga ini, saya dapat bersilaturrahim dengan Anggota Lembaga, pengurus dan anggota-

anggota Koperasi Bank Simpanan Nasional Berhad (KOBANAS) dalam Majlis Perasmian Ar Rahnū KOBANAS Cawangan Kuala Lumpur pada pagi ini.

2. Sekalung penghargaan dan setinggi-tinggi tahniah kepada barisan kepimpinan dan pengurusan

KOBANAS atas perasmian cawangan Ar Rahnū Kuala Lumpur ini.

## **Hadirin yang dihormati sekalian**

3. Industri Pajak Gadai amat berpotensi besar untuk diterokai. Objektif penubuhan Ar-Rahnū adalah untuk memberi kesedaran dan

membebaskan umat Islam daripada belenggu riba, menyediakan kemudahan mikro kredit yang mudah di samping menyediakan pilihan kepada umat Islam untuk berurusan dengan pajak gadai Islam yang murah dan adil serta memecah monopoli pajak gadai konvensional.

4. Pajak gadai Islam (Ar-Rahnu) dikategorikan sebagai satu skim perkhidmatan gadaian bersifat mikro kredit yang mempunyai potensi pasaran yang tinggi. Melalui perkembangannya yang positif, Ar-Rahnu mendapat permintaan yang tinggi ke atas kemudahan tunai segera

dengan anggaran pasaran bernilai RM3 bilion.

5. Faktor-faktor yang menyumbang kepada pencapaian positif dan prospek Ar-Rahnu ini disebabkan oleh pertumbuhan pesat populasi penduduk, kenaikan taraf ekonomi, peningkatan penggunaan barangan



kemas bersandarkan nilai yang sentiasa kukuh, tahap kesedaran yang tinggi mengenai sistem pajak Islam yang dilihat lebih menguntungkan, adil dan mesra pelanggan.

**Hadirin yang dihormati sekalian**

6. Perniagaan Ar Rahnū telah dikenal pasti dapat mengubah senario perniagaan koperasi-koperasi di Malaysia. Perniagaan ini memberikan alternatif kepada pajak gadai konvensional yang terkenal dengan gharar, maisir dan riba'.

7. Walaupun modal awalan yang agak besar, perniagaan Ar Rahnū dilihat mampu bersaing kerana caj perkhidmatannya yang lebih rendah telah menarik minat pelanggan-pelanggan Islam dan sekarang ini, pelanggan bukan Islam pun telah menunjukkan minat walaupun bilangannya masih lagi kecil.

8. Mereka tertarik apabila mendapati barang-barang emas mereka kekal sama dari segi timbangan dan dijamin selamat dengan perlindungan takaful.

9. Penglibatan KOBANAS dalam perkhidmatan ini langkah yang baik berdasarkan potensi yang ditunjukkan

oleh perniagaan ini. Selain keistimewaan Ar Rahnul KOBANAS menawarkan gadaian kepada semua anggota koperasi dengan margin maksimum pembiayaan sehingga 85% dari nilai barangan gadaian (Nilai Mahrul) dan jumlah pembiayaan sehingga RM400 ribu ringgit.

10. Selain itu, kerjasama KOBANAS dengan Koperasi Ibu Tunggal Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Berhad dilihat bakal merancakkan lagi perniagaan ini memandangkan wanita dan emas tidak boleh dipisahkan. Wanita menjadikan emas sebagai simpanan dan pelaburan utama mereka.

11. Saya juga mengucapkan penghargaan dan syabas kepada KOBANAS yang telah mementerai MOU dan menjadi ejen perkhidmatan wasiat dan hibah dengan MyAngkasa Amanah Berhad, yang patuh syariah dan anak syarikat dimiliki sepenuhnya ANGKASA. Kerjasama strategik ini diharapkan dapat membuka peluang

lebih luas kepada masyarakat koperasi dan Malaysia untuk melaksana tanggungjawab yang dituntut agama ini.

12. Akhir kata, saya mendoakan KOBANAS maju jaya dan dapat memberi perkhidmatan yang



cemerlang kepada anggota dan masyarakat.

13. Oleh itu, tanpa membuang masa dengan lafaz Bismillahirrahmanirahim saya merasmikan Ar Rahnul KOBANAS Cawangan Kuala Lumpur.

Sekian terima kasih.